

Headline **700 peroleh manfaat kern kesihatan percuma**
Date **22 Feb 2010**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Setempat**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **289,315 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **18**
Article Size **108 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **1,063**
PRValue **3,190**



700 peroleh manfaat kem kesihatan percuma

KUALA LUMPUR: Pelbagai isu kesihatan khususnya penyakit berjangkit seperti denggi, wabak Influenza A (H1N1) dan pelbagai penyakit lain memerlukan perhatian tinggi masyarakat.

Memahami keperluan itu, Kelab Rotary Sentul tampil dengan Kem Kesihatan Percuma bagi membolehkan masyarakat mendapat pelbagai pemeriksaan kesihatan dan pendedahan terhadap kepentingan menjaga kesihatan diri dan keluarga.

Kem Kesihatan anjuran bersama Persatuan Perubatan Malaysia dan dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan serta badan bukan kerajaan (NGO) itu diadakan di Pusat Komuniti Sentul Perdana, Bandar Baru Sentul, bermula jam 8 pagi hingga 4 petang, semalam.

Presiden Kelab Rotary Sentul, Vijaya Lackshumi berkata, kem terbabit antara tanggungjawab sosial kelab itu bagi membantu

masyarakat setempat mendapatkan pemeriksaan kesihatan terutama golongan tidak berkemampuan.

Menurutnya, antara pemeriksaan berkaitan kencing manis (diabetes), gigi, mata, derma darah di samping kaunseling Aids.

Vijaya berkata, lebih 700 penduduk pelbagai kaum sekitar Sentul mengunjungi kem berkenaan sejak pagi.

"Walaupun cuaca panas, ia tidak menghalang orang ramai datang. Kami bercadang mengadakan kegiatan ini sebagai acara tahunan," katanya.

Sementara itu, penduduk setempat Rajimah Yeop Ahmad, 70, berpendapat program percuma itu patut diadakan selalu bagi memudahkan orang ramai membuat pemeriksaan kesihatan.

"Kem seperti ini memudahkan kita mengetahui tahap kesihatan," katanya yang ditemui selepas membuat pemeriksaan kesihatan.